

31/10/1997

Telahan kita tepat: PM (HL)

Ahmad Burak; Ebi Azly Abdullah

SUBANG, Khamis - Kejatuhan teruk pasaran saham utama di Eropah dan Amerika Syarikat baru-baru ini membuktikan pendapat bahawa kegiatan spekulasi mata wang perlu dikawal adalah tepat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, krisis dianggap terburuk sejak 'Black Monday' 19 Oktober 1987 itu, berjaya meningkatkan kesedaran bukan saja di kalangan orang asing tetapi rakyat tempatan sendiri mengenai kewajaran cadangan Malaysia supaya syarat perdagangan pasaran mata wang diketatkan.

Menurutnya, pemimpin negara dan tokoh korporat asing yang sebelum ini tidak bersetuju dengan pendapat beliau mengenai spekulasi mata wang, kini mengakui kebenaran pandangannya itu.

"Nampaknya masalah kewangan kini merebak ke (Bursa Saham) New York. Bukan Perdana Menteri Malaysia saja tetapi pemimpin negara lain kini terpaksa buat kenyataan meminta bantuan dan sebagainya.

"Kalau dulu dia kata patut tukar pemimpin Malaysia ni kerana tak pandai mengurus ... di negara lain yang menghadapi masalah yang sama patut tukar juga.

"Saya daripada awal mengetahuinya, tetapi orang lain tidak mahu mengaku ... kini sedikit sebanyak mereka sudah mengaku (hakikat itu)," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (L TSAAS) di sini, petang ini.

Beliau pulang ke tanah air selepas menghadiri Mesyuarat Ketua Negara Komanwel (CHOGM) di Edinburgh, Scotland serta melakukan lawatan rasmi ke Slovenia.

Selasa lalu, pasaran saham dunia runtuh berikutan kejatuhan bursa saham Asia, dengan Bursa Saham New York (NYSE) menjunam kepada paras paling teruk pada Isnin.

Dr Mahathir berkata, beberapa pemimpin dunia berminat dengan pendapat yang dikemukakan oleh Malaysia, khususnya selepas krisis pasaran saham dunia itu.

Beliau berpendapat, kebanyakan pemimpin tidak memahami konsep dan mekanisme perdagangan dunia menyebabkan mereka keliru dengan masalah sebenar yang dihadapi sesebuah negara ketika mengalami krisis ekonomi.

"Saya ada bercakap dengan Perdana Menteri Britain yang nampaknya ingin mendengar dengan lebih jelas (masalah di Malaysia). Ada negara maju yang berpendapat tentu ada kesilapan yang dilakukan oleh kita, sebab itu masalah berlaku.

"Saya mendapati ramai pemimpin negara dan kerajaan yang tidak faham langsung mekanisme dagangan wang ini," katanya.

Dengan memberi contoh Mexico, Dr Mahathir mengakui ketika negara itu dilanda krisis ekonomi, beliau sendiri menyangka sudah tentu ada yang tidak kena dalam pengurusan ekonomi di sana.

"Sebab itu pelabur menarik keluar pelaburan mereka dari Mexico. Tetapi apabila ia berlaku kepada kita sendiri, baru kita sedar. Ia bukan kesalahan pengurusan tetapi masalah 'pedagang wang' yang mengambil kesempatan untuk memungut untung berlebihan," katanya.

Ditanya sama ada usaha Malaysia untuk mewujudkan peraturan mengawal kegiatan spekulasi mata wang lebih cerah berikutan krisis ekonomi itu, beliau berkata: "Ya, saya fikir ada kesedaran sikit ... walau pun saya sedikit was-was."

Menurut Perdana Menteri, Amerika Syarikat turut campur tangan dalam usaha memulihkan pasaran saham mereka dengan mengarahkan syarikat gergasi

negara itu membeli balik saham masing-masing.

International Business Machines Corp (IBM) membeli AS\$2 bilion sahamnya yang berjaya memulihkan keyakinan terhadap pasaran saham di AS.

"Tetapi di sini apabila kita buat keputusan membenarkan syarikat membeli balik saham mereka, kita dikecam hebat oleh pelbagai pihak termasuk dalam negara sendiri. Tetapi apabila AS buat, tidak apa," katanya.

Dr Mahathir juga berpendapat, proses globalisasi dan deregulasi yang sedang diusahakan oleh Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) akan gagal jika tiada peraturan baru untuk semua negara.

"Malaysia akan menghantar mesej yang sama, iaitu tidak akan ada globalisasi, tidak ada aliran deregulasi melainkan ada peraturan baru yang dikenakan kepada semua negara," katanya.

Ketua Pengarah WTO Renato Ruggiero kini berada di Malaysia untuk menghadiri mesyuarat G-15, serta dijadual menemui Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, esok.

(END)